

14/02/1997

Mesyuarat selepas Annuar temui PM

Mohd Shah Abdullah

KOTA BHARU, Khamis - Badan Perhubungan Umno akan mengadakan mesyuarat pertamanya selepas Timbalan Pengerusi badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sedikit masa lagi.

Setiausaha badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd Nor, berkata biasanya Annuar akan menemui Dr Mahathir terlebih dahulu sebelum mesyuarat pertama itu dapat diadakan.

Dr Mahathir ialah Pengerusi badan Perhubungan Umno Kelantan.

"Umno Kelantan perlu menunggu dahulu arahan Perdana Menteri sebelum mesyuarat pertama itu diadakan. Oleh itu, kita belum dapat memutuskan tarikh yang tepat bila mesyuarat itu akan diadakan," katanya di sini, hari ini.

Ahmad Shahibuddin dilantik semula sebagai Setiausaha badan Perhubungan Umno Kelantan bagi penggal 1996-99 yang diumumkan Annuar semalam.

Badan Perhubungan Umno Kelantan turut membuat rombakan kecil dengan melantik Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Melor, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir sebagai Ketua Penerangan Umno yang baru menggantikan ahli Majlis Tertinggi (MT), Datuk Ibrahim Ali.

Ahmad Shahibuddin berkata, pelantikan Zainal Abidin sebagai Ketua Penerangan itu menggambarkan hasrat Barisan Nasional (BN) terutama Umno untuk mewujudkan reformasi dalaman bagi memperkukuh parti menghadapi saingan Pas.

"Kemasukan Zainal Abidin adalah jawapan kepada apa yang dihasratkan itu. Semua pelantikan adalah atas persetujuan Perdana Menteri sendiri.

"Umno Kelantan memang memerlukan tokoh agama seperti Zainal Abidin kerana saingannya hanya Pas (yang berjuang atas landasan agama)," katanya.

Malah, katanya, pelantikan bekas pemimpin Parti Melayu Semangat 46 (S46) menduduki hierarki kepimpinan Umno dan BN negeri akan turut membantu menguatkan saf perjuangan menghadapi cabaran Pas.

Bekas Pengerusi badan Perhubungan S46, Datuk Mohd Rozali Isohak dilantik sebagai Pegawai Penerangan BN Kelantan, manakala Ahli Parlimen Kok Lanas, Shukri Mohamad dan Ahli Parlimen Kota Bharu (kedua-duanya bekas pemimpin S46) dilantik mengisi jawatan Pengerusi portfolio BN Kelantan.

(END)